



كوفراسي فوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/2/1/2

Tarikh : 13 Disember 2017

Pengerusi / Setiausaha,
Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah,
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan/Puan,

**PENTADBIRAN AJKKD (PEKELILING)
PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah di maklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-82 pada 8 Jun 2017 telah meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil Seksyen 16(1), 61(1),(2),(3) dan Seksyen 62 [sepertimana lampiran] dan cadangan ini juga telah diluluskan dan diperakukan oleh Suruhajaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 15 November 2017 untuk dilaksanakan.

3. Selaras dengan kelulusan diatas, pelaksanaan pindaan Undang-Undang Kecil ini berkuatkuasa mulai tarikh 15hb November 2017 dan pelaksanaannya akan dibuat secara berperingkat-peringkat bermula dari pelatih baru PDRM, anggota baru KPDRM dan seterusnya anggota KPDRM sedia ada.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama semua Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah [AJKKD] adalah dipohon untuk menghebahkan perkara ini kepada semua anggota Koperasi di daerah masing-masing.

Kerjasama tuan/puan didalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“ SEJAHTERA BERSAMA KOPERASI PDRM “

Yang benar,


(DATO' ZULKAPLI BIN AHMAD)
Setiausaha

s.k. Pengerusi

Anggota Lembaga Koperasi